

# Penternak ikan tersisih bantuan



Kasiran (kiri) dan Abdul Rashid mengusahakan projek penternakan ikan keli sejak empat tahun lalu.

*Sedaya upaya bertahan kerana tiada sumber pendapatan lain*

NORHASRAM MOHAMAD

BACHOK

**E**mpat bekas pengusaha tanaman tembakau yang beralih kepada projek penternakan ikan dalam sangkar kecawa apabila mendakwa tersisih daripada menerima bantuan.

Keadaan itu menyebabkan sebahagian daripada 36 sangkar di Kampung Pengkalan Chengal, Perupok, itu terpaksa dibiarkan kosong.

Kasiran Che Husin, 53, berkata, kekurangan modal menyebabkan penternakan di Sungai Kemasin itu tidak mampu dikembangkan

dan memberitahu hanya sekali mereka menerima bantuan berupa benih ikan keli iaitu ketika baharu memulakannya.

"Sejak dari itu, kami terpaksa bergerak sendiri dan cuba sedaya upaya bertahan kerana kami tiada sumber pendapatan lain untuk menyara keluarga," katanya.

Menurutnya, benih ikan keli dibeli dengan harga lima sen seekor dan minima benih yang dibeli adalah 20,000 ekor.

"Daripada 20,000 benih, lazimnya 70 peratus hidup dan terpaksa berdepan penyakit air yang boleh menyebabkan ikan mati.

"Kita mesti bekalkan ikan berterusan kepada pemborong tetapi pada musim tengkujuh, kami berdepan risiko kerugian tinggi apabila kualiti air sungai berubah," katanya.

Seorang lagi penternak, Abdul Rashid Hamzah, 63, berkata, makanan ikan diproses sendiri untuk jimatkan kos sambil memberitahu penggunaan palet tidak praktikal kerana mahal mencecah RM70 seguni.